



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM GERAK RAHMAH: JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN 2026 ERAT SEMANGAT KEBERSAMAAN

SIBU, 7 Mac – Pelaksanaan **Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan dan Sungkei Perdana 2026** anjuran Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Pejabat Residen Bahagian Sibul, Pusat Khidmat Adun Nangka, dan Kawasan Rukun Tetangga Bahagian Sibul dalam aktiviti memperkukuhkan nilai-nilai kemanusiaan, kasih sayang, hormat menghormati.

Program ini bertujuan **memperkukuh perpaduan masyarakat** melalui aktiviti gotong-royong dan kebersamaan, selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI** yang menekankan nilai ihsan, hormat-menghormati dan kebersamaan dalam kalangan rakyat. Aktiviti memasak dan mengagihkan **5,000 bekas bubur lambuk** ini bukan sahaja menjadi tradisi Ramadan, malah melambangkan semangat perpaduan dalam kepelbagaian masyarakat Malaysia yang terdiri daripada lebih 200 kumpulan etnik

Dalam majlis yang sama, YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara turut berkata berdasarkan **dapatan kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2025 mengikut wilayah, Sarawak mencatat tahap perpaduan tertinggi iaitu dengan skor indeks 0.791** hasil sistem pentadbiran yang cekap serta interaksi harian antara etnik yang pelbagai,

sekali gus membentuk suasana masyarakat yang aman dan inklusif. Kefahaman antara etnik yang terbuka serta pegangan nilai kebangsaan yang tinggi turut menjadi asas penting kepada kestabilan dan keharmonian negeri ini.

“Namun begitu, Sarawak perlu terus menambah baik skor IPNas dengan memperkukuh inisiatif strategik yang lebih menyeluruh dan berimpak tinggi. **Program pendidikan dan media harus memberi penekanan kepada naratif kebersamaan yang merentas batas etnik** agar semangat perpaduan dapat diperkasa secara berterusan dalam kalangan generasi masa kini dan akan datang”, tegas beliau.

Pencapaian ini membuktikan bahawa **semangat kebersamaan dan saling menghormati** yang diamalkan oleh rakyat **Sarawak menjadi contoh terbaik kepada usaha memperkukuh perpaduan di peringkat nasional**. Konsep **faham, hormat, terima dan meraikan perbezaan** perlu dijadikan amalan dalam kehidupan seharian bagi memastikan masyarakat terus hidup dalam suasana harmoni dan saling mempercayai antara satu sama lain dalam usaha membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

7 Mac 2026

KPN.100-9/1/16 (18)

